

Kolam udang jejas pendapatan nelayan

BH 29/09/23 M/S 23

Projek tanpa permit dibina atas tanah di luar zon akuakultur

Oleh Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi
bhnews@bh.com.my

Parit Buntar: Lebih 200 nelayan mendakwa banyak kolam udang tanpa permit di pinggir Sungai Kurau dan menjejaskan pendapatan mereka.

Kolam berkenaan dibina di luar zon akuakultur, iaitu kira-kira dua meter dari tebing sungai.

Nelayan, Mohd Radzi Said, 53, berkata, isu kolam udang tanpa permit tiada kesudahan.

Katanya, dialog dengan wakil agensi kerajaan sebelum ini

menjanjikan isu terbabit selesai, namun kolam itu semakin bertambah.

“Dulu hanya ada dua hingga tiga kolam dibina di atas tanah seluas kira-kira 16 hektar. Kini, lebih 100 kolam dibina di atas tanah yang bukannya dalam zon akuakultur.

“Projek pembinaan kolam udang ini langsung tiada papan tanda dan kita sendiri tidak tahu siapa yang meluluskannya,” katanya.

Aduan tak dilayan

Mohd Radzi ditemui pada Sesi Dialog Nelayan Pantai Bersama Agensi Kerajaan, anjuran Pusat Khidmat Masyarakat Parlimen Parit Buntar, Sahabat Alam Malaysia (SAM) dan Persatuan Pendidikan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (Jaring).

Mohd Radzi berkata, aduan sudah dikemuka tetapi tiada tindakan daripada pihak berkuasa.

“Jika kita adukan perkara ini kepada agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian, Pejabat Tanah dan Daerah dan sebagainya, seolah-olah buang masa. Tiada jawapan dan tindakan,” katanya.

Mohd Radzi berkata, pendapatan nelayan sungai kini terjejas teruk dan jika projek kolam itu terus berjalan, nelayan sungai yang terbeban memandangkan air sisa buangan kolam udang itu akan membunuh hidupan di Sungai Kurau.

Beliau berkata, ada individu yang menentang projek kolam udang itu diugut pihak tertentu supaya berdiam diri.

Sementara itu, Ahli Parlimen Parit Buntar, Mohd Misbahul Munir Masduki, berkata isu kolam udang haram tidak hanya berlaku di Kerian tetapi turut berlaku daerah lain.

Menurutnya, agensi kerajaan wajar menjalankan siasatan dengan telus.



Kolam udang dibina terlalu hampir dengan Sungai Kurau.

(Foto Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi/BH)



Paip air menyalurkan air sisa buangan kolam udang ke Sungai Kurau membunuh hidupan di sungai berkenaan.